

19 FEB 2004

Sukan-Permotoran (JGTC)/I

PUSINGAN M'SIA AKAN DIPERTIMBANGKAN BAGI GT JEPUN

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Sepang International Circuit Sdn Bhd (SIC) hari ini menandatangani satu perjanjian bersama Persatuan GT Jepun (JGTA) untuk menganjurkan pusingan Malaysia Kejohanan GT Jepun bagi tempoh tiga tahun hingga 2006.

Dengan perjanjian itu, kedua-dua pihak bersetuju bahawa pusingan Malaysia adalah pusingan rasmi di mana kutipan mata di pusingan itu akan diambil kira dalam memutuskan pemenang keseluruhan kejohanan.

Perlumbaan itu membabitkan tujuh pusingan. Kejohanan GT Jepun 2004, pusingan Malaysia dijadualkan dari 18-19 Jun.

Ini kali keempat perlumbaan itu diadakan di Sepang sejak Festival GT Jepun diadakan buat pertama kali pada tahun 2000.

"Selepas tiga edisi cemerlang, Sirkuit Antarabangsa Sepang dan Persatuan GT Jepun akan menyuntik elemen-elemen baru untuk memastikan kejohanan GT Jepun di sini sudah pasti lebih menarik dan menghairahkan," kata pengerusi SIC Datuk Mokhzani Tun Mahathir.

Beliau menambah kata di bawah perjanjian itu, SIC diberi hak komersil bagi acara itu dan perlumbaan sampingan dan juga hak bagi penajaan, kejuaraan, papan iklan trek dan aspek komersil yang lain.

Tahun lepas, perlumbaan itu dibatalkan kerana ketidatentuan di rantau selepas tercetusnya wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Mokhzani berkata selain daripada perlumbaan utama, JGTC 2004 juga akan menampilkan Siri Super Malaysia (MSS) di mana para peminat tempatan boleh menyaksikan pemandu-pemandu hebat Malaysia beraksi.

Beliau menambah kata buat pertama kali perlumbaan itu akan bermula pada pukul 5 petang Ahad untuk membolehkan para peminat lumba F1 dari luar Selangor, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur menikmati perlumbaan itu.

Sementara itu pengerusi JGTA, Kunimitsu Takahashi berkata perjanjian hari ini menggalakkan lagi hubungan lebih utuh antara Malaysia dan Jepun

menerusi sukan permotoran.

"Kami bangga dapat berlumba di Sepang sekali lagi, yang merupakan sirkuit antarabangsa yang baik. Para pemandu kami, krew dan pegawai JGTC menyanjungi Sepang memandangkan ia telah dipilih sebagai satu venue tetap siri kejohanan F1," katanya.

Takahashi berkata ekoran kejayaan JGTC 2002 di Sepang, para penganjur dan juga wakil-wakil perlumbaan dari negara-negara lain telah berbincang bersama JGTA mengenai kemungkinan menganjurkan acara itu di negara mereka.

Beliau berkata terdapat kemungkinan besar bagi JGTA untuk mengadakan perlumbaan itu di China, Korea Selatan dan Amerika Syarikat.

"Kejohanan di Sepang sudah disahkan sebagai acara bagi musim 2004.

Selain daripada itu, tiga lagi acara luar negara sedang dipertimbangkan," kata Takahashi.

-- BERNAMA

FA AHH PR